

05/06/1999

Kerajaan bijak pulih ekonomi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemulihan ekonomi negara yang ketara sekarang membuktikan ia diuruskan dengan bijak dan baik oleh kerajaan yang ada sekarang, titah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Titahnya, langkah tegas dan berani yang diambil kerajaan dalam menangani masalah ekonomi sudah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan mendapat pujian, termasuk daripada pihak asing.

"Walaupun ekonomi negara belum pulih sepenuhnya, tanda-tanda menunjukkan langkah itu adalah tepat dan berkesan," titah Baginda dalam perutusan khas sempena hari keputeraan rasminya yang disiarkan menerusi RTM, malam ini.

Seri Paduka bertitah, langkah meransangkan pertumbuhan ekonomi amat ketara berdasarkan beberapa petunjuk ekonomi yang amat menggalakkan seperti peningkatan eksport, pertambahan rizab eksport dan peningkatan pengeluaran.

Titahnya, walaupun langkah kawalan modal pada awalnya menerima kritikan hebat daripada banyak pihak, khususnya orang asing yang mendakwa ia menjejaskan kemasukan modal jangka panjang serta menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, ia kini terbukti meleset.

"Beta gembira bahawa sebaliknya, langkah yang diambil kerajaan itu menerima sanjungan dan pujian. Di samping itu, penganalisis asing juga membuat ramalan meyakinkan mengenai ekonomi Malaysia.

"Ini membuktikan bahawa ekonomi negara sedang diuruskan dengan bijak dan baik oleh kerajaan yang ada sekarang. Tidak dapat dinafikan bahawa sudah wujud keyakinan terhadap ekonomi negara," titahnya. Ini adalah perutusan rasmi pertama Baginda sejak mengambil alih jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-IX daripada Tuanku Ja'afar, pada awal bulan lalu.

Sultan Salahuddin bertitah, walaupun ekonomi menunjukkan pemulihan, rakyat tidak seharusnya berpuas hati dan leka dengan perkembangan itu, sebaliknya berusaha lebih gigih.

"Masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjamin pertumbuhan ekonomi mapan. Kerajaan, swasta, majikan dan pekerja perlu terus berganding bahu memulihkan ekonomi," titahnya.

Baginda menegaskan, rakyat pula perlu memberi kepercayaan sepenuhnya dan memberi peluang kepada kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi negara.

Hanya dengan wujudnya kestabilan dan keamanan barulah keyakinan pelabur boleh dikekalkan," titahnya. Sultan Salahuddin yakin negara di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berjaya mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi dengan sokongan semua pihak.

"Beta yakin negara akan terus stabil, maju dan makmur jika rakyat dan kerajaan terus bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan dan penuh komitmen," titahnya.

(END)